



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN**

62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA

**Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
(KPPV)**

Email: kp@dvs.gov.my



**KENYATAAN MEDIA DARIPADA
YANG BERTHORMAT
DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

MAJLIS PERASMIAN HARI KEBAJIKAN HAIWAN TAHUN 2014

1. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar kerana menganjurkan sambutan Hari Kebajikan Haiwan 2014 pada hari ini serta jemputan kepada saya untuk merasmikannya. Saya juga berterima kasih kepada semua pihak yang menjayakan majlis perasmian ini terutamanya kepada penternak, persatuan penternak, pembekal ternakan, pegawai-pegawai masjid, syarikat swasta, NGO serta individu yang terlibat dalam menjayakan pelbagai aktiviti hari ini. Kerjasama sebegini akan memberi kesan yang bermakna kepada negara terutamanya dalam usaha meningkatkan kefahaman dan membetulkan persepsi pelbagai pihak terhadap kebajikan haiwan.

2. Pada pandangan masyarakat umum, kebajikan haiwan adalah hanya melibatkan haiwan kesayangan sahaja. Oleh sebab itulah peranan kerajaan adalah amat penting untuk membetulkan persepsi ini bahawa menjaga **kebajikan haiwan dalam haiwan ternakan juga adalah sama penting seperti menjaga kebajikan haiwan kesayangan ini**. Sebagai persiapan untuk menjadi sebuah negara maju, penerapan nilai-nilai insani sejagat dalam kebajikan haiwan di Malaysia perlu ditingkatkan. Salah satu aspek dalam penerapan nilai-nilai insani ini adalah termasuk melayan makhluk-makhluk yang lemah seperti haiwan ini dengan sebaiknya dan berperikemanusiaan.

3. Memertabatkan kebajikan haiwan bukanlah eksklusif kepada sesuatu pihak sahaja tetapi ianya bersifat inklusif di mana setiap individu di negara ini mempunyai tanggungjawab masing-masing. Manusia adalah khalifah yang lebih mulia dari haiwan diperintah oleh Allah untuk mengatur dan mengurus haiwan dengan sebaik mungkin. Adalah menjadi kewajipan manusia untuk memberi perlindungan, penjagaan yang baik, sentiasa ada belas kasihan dan memastikan makan minum yang cukup kepada haiwan, menghindar dari kezaliman, melindungi dari kecederaan dan menyediakan tempat tinggal yang sesuai . Dalam hal ini, penternak juga tidak terkecuali perlu untuk mengamalkan pengurusan yang baik dengan menerapkan nilai-nilai insani kebajikan haiwan dalam pengurusan ternakannya serta perlu membudayakan nilai-nilai ini dalam masyarakat.

4. Sebagai negara yang mempunyai wawasan untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Malaysia juga perlu menerapkan budaya penyayang dan prihatin terhadap haiwan, sama seperti masyarakat negara-negara maju. Apatah lagi sifat ini juga jelas dituntut oleh semua agama. Bagi agama Islam tuntutan ini jelas dinyatakan dalam surah-surah al-quran serta hadis nabi.

5. Sebagai persiapan untuk menjadi negara maju selain daripada penerapan nilai-nilai insani kebajikan haiwan, pihak kerajaan merasakan adalah perlu untuk menyokong pelbagai aktiviti yang melibatkan haiwan ini melalui satu perundangan. Sebagai makluman semua pihak, **Kerajaan kini sedang dalam proses menyiapkan Rang Undang-undang berkaitan kebajikan haiwan.** Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan yang digubal ini, kini dalam semakan akhir oleh Pegawai Gubalan di Pejabat Peguam Negara. Dengan adanya undang-undang ini, semua aktiviti yang melibatkan haiwan akan dipantau melalui perundangan dan peraturan di bawahnya. Oleh itu semua pihak yang mengendalikan aktiviti haiwan termasuk penternak tidak terkecuali perlu mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan kebajikan haiwan terpelihara.

6. Isu kebajikan haiwan ini sering kali dibangkitkan dalam masyarakat kita. **Salah satu isu yang setiap tahun dibangkitkan adalah berkaitan dengan pengendalian ternakan untuk sembelihan korban.** Pada tahun lepas (tahun 2013), Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban Mengikut Sunnah

telah pun dilancarkan. Garis panduan yang dibangunkan tersebut adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada mana-mana pihak yang akan menjalankan ibadah korban supaya mengendalikan ternakan secara berperikemanusiaan serta menerapkan nilai-nilai kebajikan haiwan semasa penyembelihan. Sebagai kesinambungan, pada hari ini sekali lagi pihak kerajaan mengambil kesempatan untuk mengisi aktiviti **'Hari kebajikan Haiwan'** ini dengan mengadakan pertunjukkan demonstrasi cara pengendalian ternakan termasuklah demonstrasi untuk pengendalian ternakan untuk sembelihan. Diharapkan dengan adanya pertunjukan demonstrasi ini semua pihak mendapat kefahaman yang jelas mengenai cara pengendalian ternakan yang betul bukan hanya merujuk kepada buku panduan tetapi juga dapat kefahaman melalui demonstrasi yang diberikan.

7. **Objektif utama Hari Kebajikan Haiwan 2014 diadakan adalah bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan kebajikan haiwan** kepada semua pihak terutama kepada pembekal ternakan dan penternak di mana golongan inilah yang memainkan peranan penting dalam menjamin bekalan makanan berasaskan ternakan. Merasakan bahawa kumpulan sasaran ini amat penting dalam industri ternakan, maka MOA melalui DVS memainkan peranannya sebagai peneraju untuk memberi khidmat nasihat, rundingcara dan menghebahkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perundangan dan peraturan berkaitan kebajikan

haiwan, prosedur dan peraturan yang terlibat dengan pengurusan ternakan.

8. Selain daripada perundangan dan peraturan, **isu berkaitan dengan bekalan ternakan semakin hangat diperkatakan pada masa ini.** Permintaan yang tinggi berbanding dengan faktor penawaran yang tidak berubah merumitkan lagi keadaan ini. Bagi menyelesaikan masalah ini, Kementerian MOA kini telah menetapkan sasaran baru dalam pengeluaran ternakan ruminan bagi meningkatkan bekalan tempatan. Sebagai usaha untuk memastikan penternak mendapat bekalan ternakan pembiak yang bermutu, sihat dan berkualiti, **DVS akan memperkenalkan proses pendaftaran pembekal ternakan.** Proses ini juga adalah untuk memastikan pembekalan stok ternakan dapat diselia dan dipantau dengan sempurna oleh pegawai DVS serta untuk menjamin kesinambungan bekalan ternakan.

9. Pada hari DVS akan mengedarkan borang kepada sesiapa yang berminat untuk menjadi pembekal ternakan berdaftar. Pemohon hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan di mana syarat yang perlu dipatuhi adalah membekalkan ternakan yang bebas dari segi penyakit dan bermutu tinggi. Permohonan pembekal yang berjaya akan dimuat naik dalam website DVS dan penternak boleh merujuk website ini bagi mendapatkan senarai pembekal ternakan berdaftar. Melalui senarai pendaftaran ini, diharapkan pihak kerajaan juga dapat menangani isu-isu penyeludupan ternakan serta dapat memastikan hanya pembekal-pembekal yang sah dan layak

sahaja boleh membekalkan ternakan dari luar negara atau tempatan kepada penternak. Pihak Kerajaan juga secara tidak langsung akan dapat menyenarai pendekkan pembekal-pembekal ternakan yang tulin supaya tiada lagi masalah kekurangan stok bekalan ternakan timbul pada masa yang akan datang.

10. Selain daripada masalah bekalan ternakan, **isu kecurian ternakan juga merupakan masalah yang sering dihadapi oleh penternak**. Berdasarkan statistik kes kecurian ternakan ruminan dari tahun 2013-2014 di Semenjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, sebanyak **2,393 ekor ternakan** ini telah dicuri. Jumlah nilai kerugian ini adalah dianggarkan sebanyak **RM2,976,430 (RM dua juta sembilan ratus tujuh puluh enam ribu empat ratus tiga puluh)**. Sebagai usaha untuk menangani masalah ini terutama untuk memudahkan urusan pengenalan dan pengecaman ternakan yang dicuri, **pendaftaran 'brand' (tattoo) ternakan juga telah dibangunkan oleh DVS**. Bagi program ini, semua ternakan akan ditandakan dengan satu 'brand' yang unik. Dengan adanya tanda pengenalan ternakan atau tattoo ini, usaha untuk mengenalpasti tuan punya ternakan dapat dikenalpasti melalui tanda yang didaftarkan. Ini akan menjadi salah satu elemen penting dalam sistem dayajejak atau ('traceability system') bagi pengurusan ternakan penternak.

11. Pada bulan Jun ini, **negara kita juga dijangka bakal menghadapi fenomena kemarau (El-nino)**. Oleh itu semua pihak terutama DVS, penternak dan pembekal ternakan perlu bersedia

untuk menghadapi saat-saat kecemasan di mana kemungkinan bekalan air dan makanan seperti rumput tidak mencukupi. DVS perlu bersedia untuk memberi khidmat nasihat dan menyediakan garis panduan dan maklumat seperti alternatif bekalan makanan yang boleh diberikan kepada ternakan sekiranya situasi ini berlaku. Sehubungan dengan itu juga, saya menyeru agar kerjasama antara semua pihak perlu ada bagi memastikan tiada kejadian yang tidak diingini berlaku pada masa tersebut dan tiada isu-isu kebajikan haiwan dibangkitkan.

12. Bagi memastikan semua penternak mendapat informasi yang jelas, pihak kerajaan sentiasa berusaha untuk mengadakan pertemuan dengan penternak, pembekal ternakan dan NGO bagi memberi maklumat yang jelas mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam menangani isu-isu dalam pengurusan ternakan dan bekalan ternakan termasuklah isu-isu kebajikan yang sering dikaitkan. Hari ini, saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama semua pihak terutama penternak dalam majlis seperti ini. Harapan saya, semoga majlis seperti ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai isu-isu, peraturan dan garis panduan terkini yang boleh dilaksanakan semasa pengurusan ternakan dan pengurusan pembekalan ternakan.

13. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Hari Kebajikan Haiwan. Semoga majlis seperti ini juga boleh memberi kesedaran kepada

semua pihak tentang usaha kita untuk menerapkan nilai-nilai kebajikan haiwan dalam pengurusan ternakan.

14. Maka dengan ini, dengan lafaz 'Bismillah Hirahman Nirahim' saya merasmikan Hari Kebajikan Haiwan Tahun 2014.

Sekian, terima kasih

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
9 JUN 2014